

S'wak perlu strategi pembangunan biotek lebih baik



Ketua Menteri Pehin Sri Abdul Taib Mahmud berkata, bagaimanapun perkara itu memerlukan kerjasama daripada kerajaan pusat supaya ia selari dengan pembangunan biotekno-logi di Semenanjung Malaysia.

"Malangnya, di antara Semenanjung Malaysia dan Sabah serta Sarawak, pembangunannya agak berlainan di mana di Semenanjung, mereka lebih kepada pengkomersialan produk pertanian.

"Bagaimanapun, kita di sini (Sarawak dan Sabah) lebih bersandarkan kepada potensi membangunkan hasil biokesihatan, yang mungkin memerlukan penyelidikan yang lebih menumpukan hulu (upstream)," katanya.

Sehubungan itu, kata beliau, penyelidikan yang dibangunkan di Semenanjung Malaysia dalam asas pertanian perlu diberikan penekanan lebih di Sarawak dan Sabah. Beliau berkata demikian ketika ber-ucap merasmikan Bio-Borneo 2012 anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang dihadiri Timbalan Menteri MOSTI, Datuk Fadillah Yusof di sini, semalam.

Kata Taib, dengan adanya strategi tertentu, ia akan mewujudkan kerjasama antara kerajaan negeri dan pusat untuk membangunkan bioteknologi dalam pertanian di Sarawak, yang lebih baik.

"Dalam kes Sarawak, strategi itu perlu mengambil kira manfaat kepada masyarakat dan cuba menggunakan manfaat sepenuhnya daripada pelbagai produk yang kita ada," ujar beliau.

Selain itu, katanya, antara perkara yang perlu diambil kira termasuk me-nge-nal pasti hasil keluaran yang mahu dikeluarkan dalam bidang biotekno-logi dan impak persekitaran daripada pembangunannya termasuk mencegah pencemaran serta mengawal persekitaran.

"Di Sarawak, perkara itu telah lama kita lakukan dengan menubuhkan Pusat Biodiversiti Sarawak (SBC) untuk menjalankan program Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) yang me-numpukan kepada kesihatan dan per-ubatan tradisional," katanya.

Beliau dalam pada itu memberitahu, antara kawasan yang berpotensi untuk usaha berkenaan termasuk Sarikei dan Bintangor, yang mampu menjadi 'Bakul Hijau' dengan membuka pasaran eksport.

Jelasnya, di kedua-dua kawasan itu, permintaan buah-buahannya semakin meningkat serta mampu dieksport ke negara-negara Asia lain.

"Kita boleh menggunakan biotek-nologi untuk meningkatkan pertanian, pemprosesan makanan dengan betul dari segi kesihatan dan ia akan menjadikan Sarikei dan Bintangor 'Green Basket' (Bakul Hijau) kepada Sarawak untuk pasaran eksport," ujarnya.

Sementara itu, Taib turut menyaksikan tiga pertukaran dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) antara beberapa agensi termasuk dari luar negara pada majlis semalam. Bio-Borneo 2012 yang bertemakan 'Memacu Inovasi Bioekonomi Borneo' anjuran bersama MOSTI dan SBC, merupakan peluang terbaik dalam mewujudkan platform per-kongsian inovasi dan teknologi berimpak tinggi untuk memacu industri bioekonomi serantau.

SUMBER : UTUSAN BORNEO / 26.02.2012 (AHAD)

